Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

11 Disember 2025

KERJASAMA MALAYSIA-KOREA MEMBUKA RUANG KOLABORASI STRATEGIK ANTARA PLUS-KEC KE ARAH INNOVASI MOBILITI PINTAR

Petaling Jaya, 11 Disember 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menyambut baik majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia dan Ministry of Land, Infrastructure and Transport (MOLIT) Korea Selatan yang diadakan di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur baru-baru ini. Kolaborasi peringkat kementerian ini melambangkan langkah utama ke arah pengukuhan kerjasama Malaysia-Korea Selatan dalam pembangunan lebuh raya dan infrastruktur pengangkutan.

MoU tersebut turut memperkukuh lagi hubungan strategik peringkat industri yang telah terjalin antara PLUS dan Korea Expressway Corporation (KEC), iaitu pengendali lebuh raya terbesar di Malaysia dan Korea Selatan. Hubungan strategik ini bertujuan merangka laluan bagi inovasi, pertukaran ilmu dan kemajuan teknologi dalam ekosistem lebuh raya kedua-dua negara.

Sebagai peristiwa signifikan dalam landskap industri lebuh raya antarabangsa, PLUS dan KEC telah memeterai komitmen melalui satu MoU untuk memajukan infrastruktur berteknologi tinggi, mempertingkat solusi mobiliti pintar serta memacu inisiatif berteraskan kelestarian di jajaran lebuh raya masing-masing.

MoU antara Presiden KEC, Mr. Ham Jin-Gyu dan Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, telah dimeterai dalam satu majlis bersempena penganjuran '*20th ITS Asia Pacific Forum 2025*' di Suwon, Korea Selatan. Turut hadir adalah pengurusan kanan daripada kedua-dua organisasi termasuk Pengarah Urusan Eksekutif KEC, Mr. Park Joong-Gyu; Pengarah Urusan KEC, Mr. Reem Chan-Soo; dan Ketua Pegawai Operasi PLUS, Datuk Ir. Zakaria Ahmad Zabidi.

Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, berkata, "Hubungan strategik antara PLUS dan KEC mencerminkan komitmen bersama dalam mentakrifkan semula pengurusan lebuh raya dan mempertingkatkan pengalaman pengguna melalui inovasi. Dalam jangka masa dua tahun, kami akan bersama-sama meneroka teknologi penurapan jalan, sistem kamera pintar berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) dan solusi sistem tol yang selari dengan visi PLUS untuk menyediakan pengalaman lebuh raya bertaraf dunia kepada semua. Menerusi usaha sama ini, kami berhasrat untuk meneroka operasi lebuh raya yang lebih moden ke arah lebuh raya masa hadapan yang lebih pintar dan mesra alam."

Fokus utama kerjasama ini meliputi pembangunan Sistem Pengangkutan Pintar (ITS), infrastruktur lestari dan peningkatan keupayaan tenaga kerja merentasi kedua-dua organisasi. Hubungan strategik ini menyokong agenda Malaysia dan Korea Selatan untuk memajukan rangkaian pengangkutan dan teknologi hijau serta memacu transformasi digital. Dengan menggabungkan sumber dan kepakaran, PLUS dan KEC bersedia untuk menetapkan penanda aras baharu dalam kecekapan operasi, ketahanan infrastruktur dan kepuasan pengguna di sepanjang rangkaian lebuh raya.

Dalam era industri pengangkutan global yang berevolusi dengan arus pemodenan, pengendali lebuh raya menghadapi cabaran yang semakin meningkat untuk menyediakan infrastruktur yang berdaya tahan dan mobiliti yang lancar. Kerjasama holistik antara Malaysia dan Korea Selatan, yang dilengkapkan dengan hubungan antara pengendali lebuh raya PLUS dan KEC, menzahirkan model progresif yang bersedia menghadapi masa hadapan.

Dengan menyelaraskan perancangan dasar strategik dengan pelaksanaan di lapangan serta kebolehupayaan pertukaran teknologi, kedua-dua negara lebih bersedia untuk memenuhi kehendak mobiliti generasi akan datang. Pada masa yang sama, kerjasama ini akan menetapkan penanda aras baharu untuk kecemerlangan operasi serta perkhidmatan lebuh raya yang berfokuskan pelanggan.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mash itah@plus.com.my	**Rofina Adam** Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my